

BAB EMPAT

ANALISIS PERSEPSI JEMAAH TABLIGH TERHADAP DAKWAH PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS) MELALUI POLITIK

4.1 PENGENALAN

Melalui bab ini, pengkaji akan melakukan analisis terhadap data-data yang diperolehi daripada soalan-soalan yang terdapat dalam borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden. Kajian ini dilakukan ke atas responden yang terdiri di kalangan Jemaah Tabligh yang masih aktif sahaja dan diedar secara rawak. Pengkaji telah mengedarkan 200 set borang soal selidik hanya di sekitar kawasan Masjid Jamek Bandar Baru Seri Petaling Kuala Lumpur iaitu pusat utama gerakan dakwah Jemaah Tabligh di Malaysia.

Namun begitu, hanya 178 set sahaja yang dikembalikan. Setelah ditapis, pengkaji telah mendapati 7 set daripadanya adalah rosak. Maka data yang sempurna hanya diperolehi daripada 171 set soal selidik sahaja. Oleh itu, analisis yang akan dilakukan adalah berdasarkan kepada 171 set soal selidik yang diperolehi bagi tujuan kajian ini. Data-data tersebut kemudiannya akan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statiscal Package for Social Science 17.0 for Windows (SPSS 17.0)*. Perisian ini digunakan untuk memperolehi nilai seperti *Alpha Cronbach* atau pekali kebolehpercayaan, skor min, sisihan piawai, purata keseluruhan, frekuensi, dan peratusan.

Soalan soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C, dan Bahagian D. Pembahagian tersebut dilakukan untuk memastikan soalan-soalan yang dibina dalam soal selidik adalah bertepatan dengan

kehendak objektif kajian sepertimana yang telah dibincangkan dalam bab satu yang lepas. Pembahagian soal selidik adalah seperti berikut :

Jadual 4.1 : Bahagian Soalan Borang Soal Selidik

Bahagian	Perkara
Bahagian A	Demografi responden
Bahagian B	Persepsi terhadap dakwah melalui politik
Bahagian C	Persepsi terhadap PAS sebagai sebuah parti politik dan sebagai sebuah pertubuhan dakwah
Bahagian D	Persepsi terhadap dakwah PAS melalui politik

Berdasarkan kepada pembahagian soalan soal selidik sepertimana Jadual 4.1 di atas, pengkaji telah merangka beberapa objektif khusus. Di samping objektif umum, melalui bab ini pengkaji telah merangka objektif khusus supaya analisis yang dilakukan berada di landasan yang tepat dan tidak terpesong dari matlamat asal kajian. Dengan demikian, perbincangan analisis data yang diperolehi daripada soal selidik adalah berpandukan kepada objektif umum dan objektif khusus kajian. Objektif umum kajian adalah sepertimana yang telah dibincangkan dalam bab satu yang lepas iaitu:

- a) Mengenalpasti persepsi Jemaah Tabligh terhadap dakwah Parti Islam SeMalaysia (PAS) melalui politik.

Manakala objektif khusus adalah seperti berikut:

- a) Apakah persepsi Jemaah Tabligh terhadap dakwah melalui politik.
- b) Apakah persepsi Jemaah Tabligh terhadap PAS sebagai sebuah parti politik.
- c) Apakah persepsi Jemaah Tabligh terhadap PAS sebagai sebuah pertubuhan dakwah.

4.2 DEMOGRAFI RESPONDEN

Dalam usaha mengkaji persepsi Jemaah Tabligh terhadap dakwah PAS, pengkaji terlebih dahulu melakukan analisis terhadap demografi responden bagi mengenalpasti latar belakang responden yang terlibat dalam kajian ini. Demografi responden adalah meliputi beberapa perkara yang berkaitan dengan profil responden seperti jantina, umur, status perkahwinan, lokasi tempat tinggal, tahap akademik, pekerjaan, dan lama menyertai Jemaah Tabligh. Kesemua profil responden tersebut amat penting terhadap persoalan yang dikaji di samping bertindak sebagai pembolehubah bebas yang akan dihubungkan dengan pembolehubah bersandar untuk melihat hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah tersebut.

4.2.1 Jantina

Jadual 4.2 : Analisis Taburan Responden Mengikut Jantina

JANTINA	F	%
Lelaki	171	100
Perempuan	0	0
Jumlah	171	100

Berdasarkan Jadual 4.2 di atas, sebanyak 171 responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada responden lelaki sahaja. Secara umumnya komposisi jantina dalam kajian ini dapat dilihat bahawa responden lelaki memonopoli 100% kajian ini berbanding dengan responden perempuan. Ini kerana, pengkaji mendapati bahawa lokasi kajian hanya terdiri daripada responden lelaki sahaja. Tidak ada sebarang bentuk aktiviti dan program sama ada harian atau mingguan untuk responden perempuan di

lokasi kajian, bahkan keterlibatan segala bentuk aktiviti di lokasi kajian hanya memfokuskan kepada responden lelaki sahaja.¹

4.2.2 Umur

Jadual 4.3 : Analisis Taburan Responden Mengikut Umur

UMUR	F	%
21 hingga 30	89	52
31 hingga 40	31	18.1
41 hingga 50	34	19.9
51 tahun ke atas	17	9.9
Jumlah	171	100

Dalam kajian ini umur responden dibahagikan kepada empat kategori. Jadual 4.3 menunjukkan bahawa majoriti responden berada dalam kategori umur 21 hingga 30 tahun iaitu sebanyak 52% (n=89). Kategori umur responden kedua terbanyak ialah 41 hingga 50 tahun iaitu sebanyak 19.9% (n=34). Seterusnya, diikuti kategori umur 31 hingga 40 tahun iaitu sebanyak 18.1% (n=31). Manakala kategori umur 51 tahun ke atas adalah yang paling sedikit iaitu sebanyak 9.9% (n=17).

4.2.3 Status Perkahwinan

Jadual 4.4 : Analisis Taburan Responden Mengikut Status Perkahwinan

STATUS PERKAHWINAN	F	%
Bujang	62	36.3
Berkahwin	106	62
Duda/Janda	3	1.8
Jumlah	171	100

¹ Ustaz Abdul Hamid Chin, Ahli Syura Malaysia, merangkap Mudir Madrasah Miftāḥul ‘Ulūm Masjid Jamek Bandar Baru Seri Petaling, dalam temu bual dengan penulis, 1 Januari 2014.

Berdasarkan kepada Jadual 4.4 di atas, status perkahwinan responden dibahagikan kepada tiga kategori iaitu bujang, berkahwin, dan duda/janda. Responden dalam kategori bujang adalah sebanyak 36.3% (n=62) manakala kategori berkahwin pula adalah sebanyak 62% (n=106). Kategori responden yang berstatus duda/janda adalah yang paling sedikit iaitu sebanyak 1.8% (n=3).

4.2.4 Lokasi Tempat Tinggal

Jadual 4.5 : Analisis Taburan Responden Mengikut Lokasi Tempat Tinggal

LOKASI TEMPAT TINGGAL	F	%
Bandar	114	66.7
Pekan/Pinggir Bandar	44	25.7
Desa/Kampung	13	7.6
Jumlah	171	100

Jadual 4.5 di atas menunjukkan lokasi tempat tinggal responden yang dibahagikan kepada tiga kategori iaitu bandar, pekan/pinggir bandar, dan desa/kampung. Responden yang tinggal di bandar adalah paling ramai iaitu sebanyak 66.7% (n=114) manakala di pekan/pinggir bandar pula adalah sebanyak 25.7% (n=44). Sebanyak 7.6% (n=13) pula adalah responden yang tinggal di desa/kampung.

4.2.5 Tahap Akademik

Jadual 4.6 : Analisis Taburan Responden Mengikut Tahap Akademik

TAHAP AKADEMIK	F	%
PhD	7	4.1
Ijazah Sarjana	10	5.8
Ijazah Sarjana Muda	45	26.3
Diploma	46	26.9
Sijil	13	7.6
STPM/STAM	7	4.1
SPM	35	20.5
SRP/PMR	8	4.7
Jumlah	171	100

Kajian ini dijalankan secara rawak iaitu tanpa mengira tahap akademik responden. Apa yang penting adalah responden merupakan ahli Jemaah Tabligh yang masih aktif di sekitar Masjid Jame' Bandar Baru Seri Petaling sahaja. Berdasarkan Jadual 4.6 di atas menunjukkan tahap akademik responden yang dibahagikan kepada beberapa tahap. Antaranya ialah PhD, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda, Diploma, Sijil, STPM/STAM, SPM, dan SRP/PMR. Jumlah kekerapan reponden yang tertinggi ialah mereka yang berada di tahap Diploma iaitu sebanyak 26.9% (n=46). Kemudian diikuti dengan tahap Ijazah Sarjana Muda iaitu sebanyak 26.3% (n=45). Secara keseluruhannya, responden terdiri daripada pelbagai tahap pengajian akademik iaitu PhD 4.1% (n=7), Ijazah Sarjana 5.8% (n=10), Sijil 7.6% (n=13), STPM/STAM 4.1% (n=7), SPM 20.5% (n=35), dan SRP/PMR 4.7% (n=8) sebagaimana yang ditunjukkan pada Jadual 4.6 di atas.

4.2.6 Pekerjaan

Jadual 4.7 : Analisis Taburan Responden Mengikut Pekerjaan

PEKERJAAN	F	%
Mahasiswa	31	18.1
Kakitangan Kerajaan	26	15.2
Kakitangan Swasta	57	33.3
Bekerja Sendiri	48	28.1
Pesara/Tidak Bekerja	9	5.3
Jumlah	171	100

Dari segi skala pekerjaan, Jadual 4.7 di atas menunjukkan bahawa majoriti responden adalah terdiri daripada kakitangan swasta iaitu sebanyak 33.3% (n=57). Manakala responden lain pula adalah terdiri daripada bekerja sendiri 28.1% (n=48), mahasiswa 18.1% (n=31), kakitangan kerajaan 15.2% (n=26), dan pesara/tidak bekerja 5.3% (n=9).

4.2.7 Lama Menyertai Jemaah Tabligh

Jadual 4.8 : Analisis Taburan Responden Mengikut Lama Menyertai Jemaah Tabligh

LAMA MENYERTAI JEMAAH TABLIGH	F	%
Kurang Dari Setahun	23	13.5
1-3 tahun	50	29.2
4-6 tahun	29	17
7 tahun ke atas	69	40.4
Jumlah	171	100

Dari segi skala lama menyertai Jemaah Tabligh, ianya melibatkan empat kategori iaitu kurang daripada setahun, 1-3 tahun, 4-6 tahun, dan 7 tahun ke atas. Berdasarkan Jadual 4.8 di atas, data menunjukkan bahawa jumlah responden bagi kategori kurang daripada setahun adalah 13.5% (n=23). Bagi kategori 1-3 tahun, responden yang terlibat adalah 29.2% (n=50). Manakala kategori 4-6 tahun adalah 17% (n=29) dan kategori 7 tahun ke atas pula terdiri daripada jumlah responden yang paling banyak iaitu 40.4% (n=69).

4.3 ANALISIS PERSEPSI JEMAAH TABLIGH TERHADAP PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS)

Sebelum menganalisis secara khusus tentang persepsi Jemaah Tabligh terhadap dakwah Parti Islam SeMalaysia (PAS), kajian ini terlebih dahulu akan melakukan analisis untuk melihat sejauhmanakah persepsi Jemaah Tabligh terhadap Parti Islam SeMalaysia (PAS) itu sendiri. Untuk tujuan tersebut, ianya lebih merujuk kepada Bahagian B dan Bahagian C di dalam borang soal selidik. Adapun Bahagian B terdiri daripada beberapa item untuk melihat persepsi Jemaah Tabligh terhadap dakwah melalui politik. Manakala Bahagian C terdiri daripada beberapa item untuk melihat persepsi Jemaah Tabligh terhadap PAS sama ada dalam konteks sebuah parti politik mahupun dalam konteks sebuah pertubuhan dakwah.

4.3.1 Analisis Persepsi Terhadap Dakwah Melalui Politik

Dakwah Islam tidak terhad kepada saluran-saluran tertentu sahaja. Bahkan dakwah Islam amat luas jika dilihat dalam konteks salurannya termasuklah melalui sistem politik. Sistem politik Islam merupakan sebuah sistem yang amat penting dalam mengurus dan mentadbir kehidupan manusia. Di samping itu, sistem politik Islam juga merupakan salah satu juzuk daripada mauduk pendakwahan Islam sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W dalam pemerintahan baginda di Madinah. Perbincangan dalam bab dua yang lepas telah menjelaskan bahawa Islam tersebar ke seluruh pelusuk bumi. Islam memiliki kekuatan pemerintahan yang mampu menegakkan syiar yang hakiki di samping mampu mengurus dan mentadbir kehidupan manusia berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah.

Berdasarkan kepada konsep dakwah melalui politik, pengkaji akan melakukan analisis terhadap data yang diperolehi untuk mengenalpasti sejauhmanakah persepsi Jemaah Tabligh terhadap perwasilahan dakwah melalui politik. Pengkaji telah

melakukan proses pengkodan semula terhadap data yang diperolehi, iaitu dengan menggabungkan jawapan "Sangat Tidak Setuju" dan "Tidak Setuju" kepada kod baru iaitu "Tidak Setuju". Manakala bagi jawapan "Sederhana Setuju", "Setuju", dan "Sangat Setuju" juga digabungkan kepada kod baru iaitu "Setuju". Langkah ini dilakukan untuk membantu pengkaji mengecilkan skop dalam membuat kesimpulan mengenai hasil analisis data kajian yang diperolehi.² Sebanyak 4 item yang dikemukakan dan hasilnya adalah sebagaimana dalam Jadual 4.9, 4.10, 4.11, dan 4.12 di bawah.

Jadual 4.9 : Pemahaman Umum Terhadap Politik Islam

ITEM 1 (N=171)		Setuju	Tidak Setuju
Politik Islam adalah berbeza dengan politik Barat	F	160	11
	%	93.6	6.4

Sumber Soal Selidik 2012, Bahagian B, 1.

Daripada Jadual 4.9 di atas menunjukkan sebanyak 93.6% (n=160) bersetuju bahawa politik Islam adalah berbeza dengan politik Barat. Peratusan tersebut membuktikan bahawa responden mempunyai pengetahuan yang baik tentang sistem politik Islam untuk membezakannya dengan sistem politik Barat. Manakala terdapat sebanyak 6.4% (n=11) yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut sekali gus menunjukkan bahawa mereka tidak mengambilkira tentang aspek politik sama ada politik Islam mahupun Barat.

Islam merupakan agama yang syumul mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia seperti ekonomi, kehakiman, sosial, muamalah, undang-undang, politik, dan

² Mohd Salleh Abu & Zaidatun Tasir, *Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer : SPSS 10.0 For Windows* (Kuala Lumpur : Venton Publishing, 2001), 106.

sebagainya. Dalam aspek politik khususnya, ia bukanlah satu sistem yang baru di dalam Islam, bahkan ia merupakan salah satu di antara sistem-sistem Islam yang perlu dikuasai oleh umat Islam.³

Yūsuf al-Qaradāwī menjelaskan bahawa jika politik diaplikasikan berdasarkan syariat Islam, maka ia akan menghasilkan satu usaha keras untuk mencapai tujuan manusia yang paling utama iaitu mengesakan Allah S.W.T, membersihkan hati, mengagungkan rohani, menciptakan umat yang istiqamah, merealisasikan tujuan Allah dalam menciptakan manusia iaitu supaya beribadah kepada Allah, menjadi khalifah di muka bumi, serta menegakkan kebenaran dan keadilan.⁴

‘Abd Karīm Zaydān telah menjelaskan tentang politik Islam yang terdiri daripada dua objektif utama. Pertama ialah untuk memelihara agama dan kedua ialah untuk memimpin dunia dengan agama. Melalui sistem politik, pemerintah memiliki kuasa yang membolehkannya melaksanakan perkara yang tidak mampu dilaksanakan oleh individu Muslim. Dengan ini, matlamat yang ingin dicapai oleh Islam akan menjadi lebih mudah untuk dicapai.⁵

Manakala politik Barat secara keseluruhannya telah mengamalkan pemisahan antara politik dan peranan agama. Abdul Hadi Awang menjelaskan bahawa masyarakat Barat secara jelas mengisytiharkan pegangan mereka kepada fahaman sekularisme yang memisahkan politik daripada urusan agama. Malah ada juga negara yang menjadikan fahaman ini sebagai prinsip perlembagaan yang dipertahankan. Sebahagian mereka

³ ‘Abd Karīm Zaydān, *Usul al-Dakwah : Sistem-Sistem Islam* (Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn. Bhd., 2011), 1:320.

⁴ Yūsuf al-Qaradāwī, *al-Dīn wa al-Siyāsah : Ta’sīlu wa Raddu Shubuhāt* (Qāherah : Dārul Shurūq, 2007), 79.

⁵ ‘Abd Karīm Zaydān, *Usul al-Dakwah : Sistem-Sistem Islam*, 1:360.

menidakan agama dalam perlembagaan dan ada yang mengumum agama rasmi ataupun agama negara tetapi dengan kuasa yang terbatas.⁶

Maka lahirlah di kalangan mereka ideologi dan teori politik yang jelas sama ada mengharamkan agama secara mutlak seperti komunisme yang didokong oleh Karl Marx dan pengikutnya ataupun membenarkan agama dianut secara bebas, tetapi politik dibebaskan daripada agama sepertimana yang diamalkan dalam negara liberal demokrasi.⁷

Montesquieu merupakan salah seorang pengasas prinsip hak asasi manusia menurut acuan Barat. Dalam konteks kerajaan dan pemerintahan liberalisme, Montesquieu telah memperkenalkan konsep *human dignity*. Konsep tersebut telah menafikan peranan agama dalam pengurusan kehidupan manusia dengan menyatakan bahawa agama adalah milik Tuhan. Oleh itu, Tuhan tidak campur tangan dalam urusan politik dan sosial manusia. Lantaran itu, konsep yang dijulung oleh Barat tersebut telah menganggap Tuhan telah memberikan kemuliaan atau *dignity* kepada manusia untuk mencipta dan menggubal undang-undang bagi kesejahteraan dalam kehidupan sosialnya.⁸

Teori pemisahan kuasa legislatif, eksekutif dan kehakiman yang dipelopori oleh Montesquieu telah menjadi asas utama dalam teori politik liberal Barat. Montesquieu bersama John Locke di antara individu yang dianggap telah mempengaruhi penggubalan *Declaration of the Rights of Man* yang menjadi landasan kepada perlembagaan Amerika Syarikat.⁹

⁶ Abdul Hadi Awang, *Politik Dan Agama Mengikut Perspektif Islam* (Kuala Lumpur : Jundi Resources, 2011), 20.

⁷ *Ibid.*

⁸ Saari Sungib, *Islam, Demokrasi Dan Hak Asasi Manusia* (Selangor : Kemilau Publika Sdn Bhd, 2011), 58.

⁹ *Ibid.*, 59.

Melalui perbincangan di atas telah menunjukkan bahawa perbezaan antara politik Islam dan politik Barat sememangnya tidak dapat dinafikan lagi. Agama merupakan tunjang kepada pelaksanaan politik Islam sedangkan politik Barat adalah sebaliknya. Politik Islam adalah wasilah untuk mendapatkan kuasa pemerintahan dan mengembalikan kuasa besar Islam. Justeru, penolakan sistem politik akan memberi kelebihan kepada musuh Islam untuk memperolehi kuasa pemerintahan seterusnya akan mengakibatkan kerugian kepada umat Islam itu sendiri.

Jadual 4.10 : Peranan Dakwah dan Politik

ITEM 2 (N=171)		Setuju	Tidak Setuju
Dakwah dan politik berperanan untuk mengurus dan mentadbir kehidupan manusia berlandaskan syariat Islam	F	148	23
	%	86.5	13.5

Sumber Soal Selidik 2012, Bahagian B, 5.

Melalui Jadual 4.10 di atas, data menunjukkan sebanyak 86.5% (n=148) bersetuju bahawa peranan dakwah dan politik adalah untuk mengurus dan mentadbir kehidupan manusia berlandaskan syariat Islam. Peratusan tersebut menunjukkan majoriti responden tidak menafikan kombinasi antara dakwah dan politik untuk membawa manusia kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Selain itu, majoriti responden memiliki pengetahuan dan kefahaman yang baik terhadap pentakrifan definisi dakwah dan politik serta kaitan antara keduanya. Walaubagaimanapun, sebanyak 13.5% (n=23) adalah tidak setuju dengan kenyataan tersebut.

Melalui pendefinisian dakwah dan politik sebagaimana yang telah diperincikan dalam bab dua, ianya telah disimpulkan oleh pengkaji bahawa dakwah dan politik merupakan dua elemen yang sangat berkait rapat berdasarkan kepada definisi serta

peranan kedua-duanya terhadap pembangunan dan pengurusan kehidupan manusia. Dengan kata lain, peranan politik dan dakwah adalah saling melengkapi antara satu sama lain.

Badlihisam Mohd Nasir menjelaskan bahawa gerakan dakwah dan politik telah memacu era kebangkitan Islam untuk keluar dari kongkongan pemikiran dan telunjuk Barat. Beberapa negara umat Islam seperti Iran bukan sahaja bangkit dari lena malah bertindak secara radikal menentang dasar anti-Islam Barat. Di samping berjaya membentuk sebuah negara Islam bagi menggantikan kerajaan sekular dan berjaya melaksanakan beberapa dasar Islam, Iran juga mengambil bahagian yang aktif dalam membantu negara umat Islam lain bagi menghadapi cabaran dan kekangan daripada Amerika walaupun ia masih dipertikaikan ekoran imej Syiahnya.¹⁰

Dakwah dan politik merupakan usaha dalam mengurus kehidupan manusia meliputi semua aspek berlandaskan kepada batas-batas syariat Islam, menuju kepada pencapaian fitrah manusia iaitu beriman kepada Allah serta mencapai matlamat utama dakwah Islamiah iaitu untuk membina negara Islam sepertimana yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W. Oleh itu, politik merupakan salah satu juzuk daripada mauduk pendakwaan yang bermatlamatkan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Jadual 4.11 : Politik Sebagai Wasilah Dakwah

ITEM 3 (N=171)		Setuju	Tidak Setuju
Politik Islam merupakan salah satu saluran penyebaran dakwah Islam	F	146	25
	%	85.4	14.6

Sumber Soal Selidik 2012, Bahagian B, 2.

¹⁰ Badlihisam Mohd Nasir, "Dakwah Dan Senario Politik Umat Islam", dalam *Kepimpinan Dakwah Dan Politik Islam*, ed. Zulkiple Abd. Ghani (Bangi : Jabatan Pengajian Islam Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999), 130.

Jadual 4.11 di atas menunjukkan sebanyak 85.4% (n=146) yang bersetuju bahawa politik Islam merupakan salah satu saluran penyebaran dakwah Islam. Manakala 14.6% (n=25) adalah tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Walaubagaimanapun, peratusan tinggi responden yang bersetuju membuktikan bahawa mereka tidak memandang negatif terhadap politik Islam malah tidak menafikannya sebagai salah satu medium dakwah Islam.

‘Abd Karīm Zaydān menjelaskan bahawa sistem politik adalah sebagai perantara ataupun cara dan bukannya matlamat. Sistem politik adalah satu cara yang berkesan untuk mencapai objektif tertentu yang ingin dicapai. Antara objektif utama politik Islam ialah memelihara agama (Islam) dan memimpin dunia dengan agama (Islam).¹¹ Di samping itu, sistem politik Islam juga akan mewujudkan pemerintah memiliki kuasa yang membolehkan ia melaksanakan perkara yang tidak mampu dilaksanakan oleh individu Muslim.¹²

Abdul Ghafar Don menjelaskan bahawa politik merupakan di antara wasilah dakwah yang mampu memberi kesan yang menyeluruh sebagaimana yang ditegaskan oleh al-Māwardī, politik hendaklah digunakan untuk tujuan memartabatkan agama.¹³ Di samping itu, sunnah Rasulullah S.A.W juga menampilkan keperluan kuasa politik sebagai perwasilahan dakwah. Malah dakwah Rasulullah S.A.W menjadi lebih berkesan setelah wujudnya kuasa politik.¹⁴ Rasulullah S.A.W pernah berdoa kepada Allah supaya diberikan kekuasaan untuk menegakkan usaha dakwah sepertimana yang dilihat pada surah al-Isrā’ ayat 80 :

¹¹ ‘Abd Karīm Zaydān, *Usul al-Dakwah : Sistem-Sistem Islam*, 1:360.

¹² *Ibid.*

¹³ Al-Māwardī, ‘Alī ibn Muḥammad, *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah wa-al-Wilāyat al-Dīniyyah* (Beirūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t), 5.

Juga lihat Mohd Nasran Mohamad, “Teori Politik al-Mawardi Mengenai Khalifah,” dalam *Dakwah Dan Etika Politik Di Malaysia*, ed. Zulkiple Abd. Ghani (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2005), 56-57.

¹⁴ Abdul Ghafar Don, “Integrasi Politik Dan Dakwah”, dalam *Dakwah Dan Etika Politik Di Malaysia*, ed. Zulkiple Abd. Ghani (Kuala Lumpur : Utusan Publications And Distributors Sdn Bhd, 2005), 15-16.

Terjemahan: Dan berikanlah kepadaku dari sisiMu hujah keterangan serta kekuasaan yang menolongku.

Sistem politik Islam amat penting dalam usaha untuk membentuk kerajaan Islam dan masyarakat Islam. Dalam hal tersebut, Abū al-Ma‘āṭī Abū al-Futūḥ menjelaskan bahawa antara objektif penubuhan kerajaan Islam adalah untuk melaksanakan dakwah kepada masyarakat-masyarakat lain kepada agama Allah dan menjelaskan hukum-hukumNya kepada mereka. Ini memerlukan jihad pada jalan Allah secara lisan dan perlu menggunakan kekerasan jika kalimah Allah itu disekat dari sampai kepada masyarakat-masyarakat lain.¹⁵ Manakala Anuar Puteh menjelaskan bahawa kuasa politik negara (*dawlah*) adalah amat penting bagi menjaga dan melaksanakan usaha dakwah Islamiah. Ini kerana, antara tanggungjawab paling utama bagi sesebuah negara ialah memastikan terlaksananya usaha dakwah Islamiah dan menjamin perkembangannya. Sebuah negara mestilah berperanan secara langsung dalam perkara tersebut dan agenda dakwah mestilah dijadikan agenda utama dan tidak boleh dijadikan sebagai pelengkap kepada negara tersebut.¹⁶

Peranan politik amat penting bagi tujuan dakwah. Politik yang disalurkan untuk tujuan perwasilahan dakwah pada pandangan Islam adalah ibadat. Sebaliknya politik yang melangkaui batasan syariat dan bertentangan dengan nas al-Quran dan al-Hadith merupakan politik yang tidak mendatangkan manfaat kepada agama Islam dan dakwah Islam.

¹⁵ Abū al-Ma‘āṭī Abū al-Futūḥ, *Penyelesaian Islam Dari Sudut Sistem Politik* (Selangor : Pustaka Fajar, 1985), 85.

¹⁶ Anuar Puteh, “Konsep Kuasa Politik Negara (*Dawlah*) Dan Perkembangan Dakwah”, dalam *Dakwah Dan Etika Politik Di Malaysia*, ed. Zulkiple Abd. Ghani (Kuala Lumpur : Utusan Publications And Distributors Sdn Bhd, 2005), 27-28.

Jadual 4.12 : Pelaksanaan Dakwah Rasulullah S.A.W Melalui Politik

ITEM 4 (N=171)		Setuju	Tidak Setuju
Melalui sistem politik, Rasulullah S.A.W menjadikannya sebagai salah satu medium penyebaran dakwah Islam sekali gus dapat memperluaskan pengaruh dan empayar Islam	F	143	28
	%	83.6	16.4

Sumber Soal Selidik 2012, Bahagian B, 3.

Jadual 4.12 di atas menunjukkan sebanyak 83.6% (n=143) yang bersetuju bahawa Rasulullah S.A.W menjadikan sistem politik sebagai salah satu medium penyebaran dakwah Islam sekali gus dapat memperluaskan pengaruh dan empayar Islam. Manakala sebanyak 16.4% (n=28) adalah tidak setuju dengan kenyataan tersebut.

Abdul Hadi Awang menjelaskan bahawa para Rasul telah menjadi pemimpin agama dan politik secara serentak, berdakwah membetulkan akidah dan cara hidup rakyat serta membetulkan pemerintahan negara. Nabi Adam, Yusuf, Sulaiman dan Daud A.S merupakan antara kalangan para Rasul Allah yang memimpin negara. Begitu juga dengan Rasulullah S.A.W nabi akhir zaman yang berjaya menegakkan negara Islam Madinah.¹⁷

Perjanjian *Hudaybiyah* merupakan salah satu kemenangan awal yang dicapai oleh orang Islam. Ibrahim Che Noh menjelaskan bahawa Perjanjian *Hudaybiyah* yang dimeterai oleh Rasulullah S.A.W bersama para sahabat dengan pihak Quraisy merupakan sebuah perjanjian politik. Ianya telah memberi peluang kepada Rasulullah S.A.W untuk menghantar pendakwah Islam ke seluruh pelusuk di muka bumi.¹⁸

¹⁷ Abdul Hadi Awang, *Politik Dan Agama Mengikut Perspektif Islam*, 24.

¹⁸ Ibrahim Che Noh, "Dakwah Dan Pemikiran Politik", dalam *Dakwah Dan Etika Politik Di Malaysia*, ed. Zulkiple Abd Ghani (Kuala Lumpur : Utusan Publications And Distributors Sdn Bhd, 2005), 18.

Syamsul Bahri Andi Galigo menjelaskan bahawa di antara aktiviti Rasulullah S.A.W dalam menjalankan pemerintahannya di Madinah seperti memimpin peperangan, mengatur pentadbiran negara di masjid Nabawi, mengirim surat kepada pemimpin negara jiran, mendelegasikan pelbagai tugas kenegaraan kepada sahabatnya yang layak, dan melaksanakan *mushāwarah* bersama para sahabat.¹⁹

Keberkesanan pemerintahan Rasulullah S.A.W telah mendapat kepercayaan penuh dari seluruh rakyat yang berbilang kaum di Madinah seterusnya memberi baiah setia kepada baginda sebagai ketua negara serta sebagai hakim dalam menyelesaikan segala perselisihan yang timbul. Natiujahnya gerakan dakwah Islam yang berpusat di Madinah telah membawa kepada usaha perkembangan dakwah Islam yang amat pesat sehingga Islam tersebar ke seluruh pelusuk dunia.²⁰

4.3.2 Analisis Persepsi Terhadap PAS Sebagai Sebuah Parti Politik

Data seterusnya dianalisis untuk mengenalpasti apakah persepsi Jemaah Tabligh terhadap PAS dalam konteks sebuah parti politik. Melalui data yang terkumpul, pengkaji melakukan analisis dengan melakukan proses pengkodan semula dengan menggabungkan jawapan "Sangat Tidak Setuju" dan "Tidak Setuju" kepada kod baru iaitu "Tidak Setuju". Manakala bagi jawapan "Sederhana Setuju", "Setuju", dan "Sangat Setuju" juga digabungkan kepada kod baru iaitu "Setuju". Langkah ini dilakukan untuk membantu pengkaji mengecilkan skop dalam membuat kesimpulan mengenai sesuatu hasil analisis data kajian yang diperolehi.²¹ Sebanyak lima item yang dikemukakan dan hasilnya adalah sebagaimana dalam Jadual 4.13 di bawah.

¹⁹ Syamsul Bahri Andi Galigo, "Konsep Siasah Islamiah : Satu Kajian Dari Perspektif Piagam Madinah", dalam *Kepimpinan Dakwah Dan Politik Islam*, ed. Zulkiple Abd Ghani (Bangi : Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999), 14-17.

²⁰ *Ibid.*

²¹ Mohd Salleh Abu & Zaidatun Tasir, *Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer : SPSS 10.0 For Windows*, 106.

Jadual 4.13 : PAS Sebagai Sebuah Parti Politik

BIL	ITEM (N=171)		Setuju	Tidak Setuju
1	Sebuah parti politik Islam	F	142	29
		%	83	17
2	Salah satu komponen parti pembangkang di Malaysia	F	155	16
		%	90.6	9.4
3	Sebuah parti yang menjadikan Islam sebagai dasar perjuangan	F	150	21
		%	87.7	12.3
4	Sebuah parti yang dibarisi dengan kepimpinan ulama	F	146	25
		%	85.4	14.6
5	Sebuah parti yang berjuang untuk menegakkan sebuah negara Islam	F	148	23
		%	86.5	13.5

Sumber Soal Selidik 2012, Bahagian C.

Jadual 4.13 di atas menunjukkan sebanyak 83% (n=142) yang bersetuju bahawa PAS merupakan sebuah parti politik Islam. Jumlah responden yang bersetuju meningkat sebanyak 90.6% (n=155) dengan kenyataan PAS sebagai salah satu komponen parti pembangkang di Malaysia. Sebanyak 87.7% (n=150) bersetuju bahawa PAS merupakan sebuah parti yang menjadikan Islam sebagai dasar perjuangan. Manakala sebanyak 86.5% (n=148) bersetuju bahawa PAS adalah sebuah parti yang berjuang untuk menegakkan sebuah negara Islam dan sebanyak 85.4% (n=146) pula bersetuju bahawa PAS adalah sebuah parti yang dibarisi dengan kepimpinan ulama.

Tuan Ibrahim Tuan Man menjelaskan bahawa matlamat dakwah PAS adalah untuk membina sebuah negara Islam dan masyarakat Islam. PAS merupakan sebuah gerakan Islam yang tidak hanya melabelkan parti politik semata-mata, bahkan PAS merupakan sebuah badan dakwah dan siasah.²²

Menurut Wan Ismail Bin Wan Abdullah, matlamat utama perjuangan PAS adalah berjuang untuk mendirikan negara Islam. Dalam memastikan pencapaian

²² Dato' Ustaz Tuan Ibrahim Tuan Man (Ahli Majlis Syura Ulama, Ketua Penerangan PAS Pusat, Pengerusi Lajnah Penerangan dan Dakwah PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 28 Jun 2013.

matlamat tersebut, pelbagai aktiviti dan program telah dilakukan sebagai usaha ke arah merealisasikan matlamat untuk mendirikan negara Islam dan mewujudkan sebuah masyarakat yang melaksanakan peraturan dan hukum-hukum Allah. Pada masa yang sama, PAS ingin menjadikan syariat Islam sebagai garis panduan dalam pentadbiran dan perundangan. Dengan sebab itulah PAS telah menyertai pilihan raya dan bertanding dalam setiap pilihan raya umum sejak tahun 1955. Melalui pilihan raya, PAS telah menjadikannya sebagai alat untuk mencapai kedudukan negara Islam.²³

Kesimpulan secara keseluruhan mengenai persepsi Jemaah Tabligh terhadap PAS dalam konteks sebuah parti politik adalah positif dan berada pada tahap yang baik. Hasil kajian mendapati bahawa responden mempunyai pendedahan dan tahap kefahaman yang baik terhadap kewujudan PAS dan perjuangannya sebagai sebuah parti politik di Malaysia.

4.3.3 Analisis Persepsi Terhadap PAS Sebagai Sebuah Pertubuhan Dakwah

Setelah mengenalpasti persepsi Jemaah Tabligh terhadap PAS sebagai sebuah parti politik, pengkaji seterusnya akan melihat sejauhmanakah persepsi Jemaah Tabligh terhadap PAS sebagai sebuah pertubuhan dakwah. Berdasarkan data mentah yang diperolehi daripada borang soal selidik, pengkaji melakukan analisis dengan melakukan proses pengkodan semula dengan menggabungkan jawapan "Sangat Tidak Setuju" dan "Tidak Setuju" kepada kod baru iaitu "Tidak Setuju". Manakala bagi jawapan "Sederhana Setuju", "Setuju", dan "Sangat Setuju" juga digabungkan kepada kod baru iaitu "Setuju". Langkah ini dilakukan untuk membantu pengkaji mengecilkan skop

²³ Wan Ismail Bin Wan Abdullah, "Parti Islam SeMalaysia (PAS) Dalam Usahanya Menegakkan Sebuah Negara Islam" (Latihan Ilmiah Fakulti Usuluddin Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1993), 3.

Juga lihat Amir Ramadhan Bin Ibrahim, "Pendekatan Parti Islam SeMalaysia (PAS) Dalam Membentuk Negara Islam : Satu Analisis" (Latihan Ilmiah, Fakulti Syariah Akademi Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1996), 19-20.

Juga lihat Chandra Muzaffar, *Kebangkitan Semula Islam di Malaysia* (Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1988), 67.

dalam membuat kesimpulan mengenai hasil analisis data kajian yang diperolehi.²⁴ Sebanyak empat item dikemukakan dan hasilnya adalah sebagaimana dalam Jadual 4.14 di bawah.

Jadual 4.14 : PAS Sebagai Sebuah Pertubuhan Dakwah Islam

BIL	ITEM (N=171)		Setuju	Tidak Setuju
1	Sebuah pertubuhan dakwah Islam	F	117	54
		%	68.4	31.6
2	PAS menjadikan pentas politik sebagai medium untuk melaksanakan dakwah	F	119	52
		%	69.6	30.4
3	PAS adalah salah satu badan dakwah Islam yang sangat berpengaruh dalam masyarakat di Malaysia	F	113	58
		%	66.1	33.9
4	PAS merupakan di antara pertubuhan dakwah yang banyak memberi sumbangan kepada perkembangan dakwah Islam di Malaysia	F	128	43
		%	74.9	25.1

Sumber Soal Selidik 2012, Bahagian C.

Jadual 4.14 di atas menunjukkan 68.4% (n=117) bersetuju dengan kenyataan PAS sebagai sebuah pertubuhan dakwah. Manakala 69.6% (n=119) pula bersetuju bahawa PAS menjadikan pentas politik sebagai medium untuk melaksanakan dakwah. Sebanyak 66.1% (n=113) bersetuju bahawa PAS adalah salah satu badan dakwah Islam yang sangat berpengaruh dalam masyarakat di Malaysia dan 74.9% (n=128) pula bersetuju bahawa PAS merupakan di antara pertubuhan dakwah yang banyak memberi sumbangan kepada perkembangan dakwah Islam di Malaysia.

Berdasarkan analisis data melalui Jadual 4.13 dan Jadual 4.14, kajian mendapati bahawa persepsi Jemaah Tabligh terhadap PAS adalah lebih cenderung kepada sebuah parti politik berbanding sebuah pertubuhan dakwah. Ini kerana, sebanyak 90.6% (n=155) bersetuju bahawa PAS merupakan salah satu komponen parti pembangkang. Diikuti pula dengan 83% (n=142) yang bersetuju bahawa PAS sebagai sebuah parti

²⁴ Mohd Salleh Abu & Zaidatun Tasir, *Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer : SPSS 10.0 For Windows*, 106.

politik Islam. Akan tetapi, hanya 68.4% (n=117) sahaja yang bersetuju bahawa PAS sebagai sebuah pertubuhan dakwah. Oleh itu, PAS dilihat lebih sinonim sebagai sebuah parti politik yang juga salah satu komponen parti pembangkang berbanding sebagai sebuah pertubuhan dakwah.

Penubuhan PAS secara rasmi pada 24 November 1951 telah meletakkan PAS sebagai sebuah badan siasah umat Islam di Tanah Melayu. Namun begitu, PAS tidak hanya melabelkannya sebagai badan siasah atau parti politik semata-mata, malah PAS juga merupakan sebuah badan tarbiah dan dakwah. Mohd Khairuddin menjelaskan bahawa PAS merupakan sebuah gerakan tarbiah, dakwah dan siasah. Gerakan tarbiah bertujuan untuk membina dan mengkader anggota parti agar komited dengan amal Islam menepati *manhaj al-Nabawi*. Gerakan dakwah bertujuan menyedarkan umat untuk kembali kepada Islam. Gerakan siasah bertujuan mengembalikan kuasa pemerintahan kepada Islam.²⁵

Keutamaan perjuangan PAS adalah untuk menyebarkan dakwah Islam kepada manusia. Manakala penglibatannya dalam arena politik hanyalah sebagai wasilah dakwah untuk menegakkan agama Allah S.W.T. Tuan Ibrahim Tuan Man menjelaskan bahawa dakwah adalah keutamaan PAS dan agenda dakwah dilakukan sepanjang masa. Walaupun menang atau kalah dalam pilihan raya, ianya bukan menjadi titik noktah kepada gerakan dakwah PAS bahkan ia tetap berjalan sepanjang masa. Pilihan raya bukanlah matlamat PAS semata-mata. Bahkan ianya adalah sebagai satu wasilah untuk mendapatkan kuasa pemerintahan negara. Ini kerana, melalui kuasa pemerintahan akan

²⁵Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali, "Kemenangan Yang Tertangguh Oleh Kejahilan", laman sesawang *Dewan Ulama PAS Pusat*, dicapai 24 Ogos 2013, <http://ulamak.pas.org.my/v3/index.php/artikel02/minda/143-kemenangan-yang-tertangguh-oleh-kejahilan>.

membuka ruang kepada dakwah Islamiah yang lebih menyeluruh kepada rakyat sekali gus dapat membentuk negara Islam dan masyarakat Islam.²⁶

Idris Ahmad menjelaskan bahawa PAS bukanlah hanya merujuk kepada parti politik semata-mata. Bahkan PAS merupakan sebuah gerakan Islam yang menjadikan tugas dakwah sebagai keutamaan mereka. Usaha dakwah kepada masyarakat dilakukan sepanjang masa walaupun PAS kalah atau menang dalam pilihan raya. Matlamat dakwah adalah untuk membentuk peribadi Muslim, usrah muslimah, masyarakat Islam, dan seterusnya negara Islam. Membentuk negara Islam adalah tidak sempurna jika masyarakatnya tidak mengamalkan Islam dalam kehidupan. Malah cita-cita untuk membentuk negara Islam tidak akan berlaku jika masyarakat masih kabur dan kurang kefahaman tentang Islam.²⁷

Kesimpulannya, PAS merupakan sebuah gerakan Islam yang berjuang untuk menegakkan negara Islam. Di samping menggunakan politik sebagai wasilah untuk mendapatkan kuasa pemerintahan, PAS juga menggunakan politik sebagai wasilah untuk menggerakkan usaha dakwah Islam. Walaubagaimanapun, pembabitan PAS dalam arena politik mungkin telah mempengaruhi persepsi responden terhadap PAS sehinggalah ia dilihat lebih sinonim sebagai sebuah parti politik berbanding dengan sebuah pertubuhan dakwah.

²⁶ Dato' Ustaz Tuan Ibrahim Tuan Man (Ahli Majlis Syura Ulama, Ketua Penerangan PAS Pusat, Pengerusi Lajnah Penerangan dan Dakwah PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 28 Jun 2013.

²⁷ Yb. Ustaz Haji Idris Haji Ahmad (Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat, Pengarah Lajnah Tarbiah dan Perkaderan PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 22 Ogos 2013

4.4 ANALISIS PERSEPSI JEMAAH TABLIGH TERHADAP DAKWAH PAS MELALUI POLITIK

Bagi menilai persepsi responden terhadap pelaksanaan dakwah PAS, kajian ini akan melakukan analisis terhadap keseluruhan item yang dibina pada Bahagian D borang soal selidik. Seterusnya, pengkaji akan menilai item yang berada pada tahap yang paling tinggi dan item yang berada pada tahap yang paling rendah. Selain itu, beberapa item lain yang berkaitan dengan dakwah PAS juga akan dianalisis.

Untuk membantu pengkaji mengecilkan skop dalam membuat kesimpulan terhadap hasil analisis data,²⁸ pengkaji akan melakukan proses pengekodan semula terhadap data yang terkumpul dengan menggabungkan jawapan "Sangat Tidak Setuju" dan "Tidak Setuju" kepada kod baru iaitu "Tidak Setuju". Manakala bagi jawapan "Sederhana Setuju", "Setuju", dan "Sangat Setuju" juga digabungkan kepada kod baru iaitu "Setuju".

4.4.1 Analisis Persepsi Jemaah Tabligh Terhadap Dakwah PAS

Untuk mendapatkan gambaran umum tentang persepsi responden terhadap pelaksanaan dakwah PAS, pengkaji telah memilih satu item yang berkaitan untuk dianalisis. Hasil analisis kajian adalah sepertimana yang ditunjukkan di dalam Jadual 4.15 di bawah.

Jadual 4.15 : Skop Dakwah PAS

BIL	ITEM (N=171)		Setuju	Tidak Setuju
1	Dakwah PAS meliputi seluruh aspek keperluan kehidupan manusia	F	100	71
		%	58.5	41.5

Sumber Soal Selidik 2012, Bahagian C, 8.

²⁸ Mohd Salleh Abu & Zaidatun Tasir, *Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer : SPSS 10.0 For Windows*, 106.

Berdasarkan Jadual 4.15 di atas menunjukkan sebanyak 58.5% (n=100) yang bersetuju bahawa dakwah PAS adalah meliputi seluruh aspek keperluan kehidupan manusia. Walaupun kewujudan PAS sebagai parti politik, hasil kajian menunjukkan bahawa lebih separuh responden tidak menjadikan ianya sebagai alasan untuk menafikan pelaksanaan dakwah PAS yang meliputi seluruh aspek kehidupan manusia.

Namun begitu sebanyak 41.5% (n=71) pula adalah tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Kenyataan dakwah PAS yang menyeluruh meliputi aspek kehidupan manusia telah dianggap kurang sesuai. Walaupun tidak menafikan sumbangan dakwah PAS, responden menganggap pelaksanaan dakwah yang menyeluruh hanyalah dakwah yang telah dilakukan oleh Rasulullah S.A.W iaitu berusaha mengajak manusia kepada kebaikan, mencegah kemungkaran, dan beriman kepada Allah melalui landasan susah payah (*mujāhadah*), dan bukanlah melalui landasan politik atau politik kepartian.

Abdul Hamid Chin menjelaskan bahawa keutamaan dakwah adalah melebihi segala-galanya mengatasi keutamaan-keutamaan dunia yang lain termasuklah penguasaan dalam politik dan pemerintahan. Apabila kejayaan dakwah Islam tercapai, semua manusia akan beriman kepada Allah dan Rasul. Umat Islam akan mencapai kemenangan dalam segala aspek kehidupan termasuklah penguasaan dalam politik dan pemerintahan.²⁹

Gerakan dakwah Jemaah Tabligh tidak meletakkan politik sebagai keutamaan. Malah aspek politik merupakan salah satu daripada perkara-perkara yang tidak boleh disentuh ketika berada dalam gerakan dakwah Jemaah Tabligh.³⁰ Syarul Azman Bin Shahrudin menjelaskan bahawa kecenderungan metode dakwah Jemaah Tabligh

²⁹ Ustaz Abdul Hamid Chin, Ahli Syura Malaysia, merangkap Mudir Madrasah Miftāḥul ‘Ulūm Masjid Jamek Bandar Baru Seri Petaling, dalam temu bual dengan penulis, 1 Januari 2014.

³⁰ *Ibid.*

adalah kepada aspek tarbiah rohani dan pendidikan manakala aspek-aspek lain seperti ekonomi, politik dan sosial kurang diberikan perhatian.³¹ Kurangnya perhatian dan penekanan terhadap aspek politik secara tidak langsung telah mempengaruhi persepsi responden terhadap kenyataan yang diberikan.

Namun begitu, ia bukanlah satu larangan secara mutlak bahkan ianya hanyalah merujuk kepada tertib dan disiplin yang telah digariskan oleh tokoh-tokoh Jemaah Tabligh supaya dijadikan panduan kepada ahli-ahlinya. Demi kepentingan dan kelancaran gerakan dakwah terhadap seluruh lapisan masyarakat di seluruh dunia, beberapa perkara telah digariskan dan dikecualikan daripada gerakan dakwah Jemaah Tabligh termasuklah politik dan politik kepartian. Ia bertujuan untuk mengelak daripada berlakunya perselisihan pendapat, pergaduhan, perpecahan dalam jemaah, dan menyentuh sensitiviti masyarakat.³²

4.4.2 Item Tahap Tinggi Persepsi Jemaah Tabligh

Berdasarkan hasil analisis selepas pengkodan semula, pengkaji telah memilih beberapa item yang bertindak sebagai pembolehubah bersandar yang mempunyai frekuensi tertinggi dan terendah untuk dianalisis secara *crosstab* (hubungan) dengan pembolehubah tidak bersandar atau pembolehubah bebas seperti umur, tahap akademik, lama menyertai Jemaah Tabligh, dan lokasi tempat tinggal. Pengaplikasian kaedah atau arahan *Crosstabs* membolehkan pengkaji menghasilkan suatu ukuran perhubungan antara dua pembolehubah dalam bentuk jadual frekuensi dua hala dan pelbagai hala.³³

Item yang mempunyai frekuensi dan berada pada tahap tertinggi adalah sebagaimana jadual 4.16 di bawah.

³¹ Syarul Azman Bin Shaharuddin, (2006), *Keberkesanan Metode Dakwah Jemaah Tabligh Masjid Jamek Bandar Baru Seri Petaling Kuala Lumpur*, Kuala Lumpur : Disertasi Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

³² Ustaz Abdul Hamid Chin, Ahli Syura Malaysia, merangkap Mudir Madrasah Miftahul 'Ulum Masjid Jamek Bandar Baru Seri Petaling, dalam temu bual dengan penulis, 1 Januari 2014.

³³ Mohd Salleh Abu & Zaidatun Tasir, *Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer : SPSS 10.0 For Windows*, 176.

Jadual 4.16 : Memantapkan Prasarana Pendidikan Islam

ITEM 1 (N=171)		Setuju	Tidak Setuju
Menubuhkan institusi pendidikan untuk memberi pendidikan Islam kepada masyarakat daripada peringkat akar umbi seperti Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI), Sekolah Rendah Islam Darul Ulum (SRIDU), Sekolah Menengah Islam Darul Ulum (SMIDU), dan Kolej Islam Darul Ulum (KIDU)	F	161	10
	%	94.2	5.8

Sumber Soal Selidik 2012, Bahagian D, 4.

Jadual 4.16 di atas menunjukkan sebanyak 94.2% (n=161) bersetuju dengan pelaksanaan dakwah PAS melalui penubuhan institusi pendidikan untuk memberi pendidikan Islam kepada masyarakat daripada peringkat akar umbi seperti Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI), Sekolah Rendah Islam Darul Ulum (SRIDU), Sekolah Menengah Islam Darul Ulum (SMIDU), dan Kolej Islam Darul Ulum (KIDU). Manakala sebanyak 5.8% (n=10) pula tidak setuju dengan kenyataan tersebut.

Berdasarkan hasil kajian, dapatlah dirumuskan bahawa responden dapat menerima komitmen PAS dalam usaha untuk memberi pendidikan Islam kepada masyarakat. Usaha tersebut merupakan salah satu daripada bentuk pelaksanaan dakwah PAS. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa responden tidak hanya melihat kewujudan PAS sebagai parti politik, malah menganggap PAS mampu menggerakkan dakwah Islam yang memberi kesan-kesan positif kepada masyarakat khususnya dalam aspek pendidikan Islam.

Jadual 4.17 : Memantapkan Prasarana Pendidikan Islam

Umur (N=171)

	Umur (N=171)							
	21 hingga 30 (n=89)		31 hingga 40 (n=31)		41 hingga 50 (n=34)		51 ke atas (n=17)	
	F	%	F	%	F	%	F	%
Setuju	84	94.4	31	100	31	91.2	15	88.2
Tidak Setuju	5	5.6	-	-	3	8.8	2	11.8
Jumlah	89	100	31	100	34	100	17	100

Sumber Soal Selidik 2012, Bahagian D, 4.

Jadual 4.17 di atas menunjukkan hubungan antara umur responden dengan soalan yang dikemukakan. Hasil kajian mendapati responden pada tahap umur 21 hingga 30 sebanyak 94.4% (n=84), tahap umur 31 hingga 40 sebanyak 100% (n=31), tahap umur 41 hingga 50 sebanyak 91.2% (n=31), dan tahap umur 51 ke atas adalah sebanyak 88.2% (n=15) merupakan responden yang bersetuju dengan pelaksanaan dakwah PAS dalam memberi pendidikan Islam kepada masyarakat. Hasil kajian membuktikan bahawa tiada perbezaan yang ketara antara tahap-tahap umur responden mengenai persepsi mereka terhadap kenyataan yang dikemukakan. Selain itu, peratusan yang bersetuju dari sudut tahap umur responden adalah hampir sama iaitu pada tahap peratusan yang tinggi. Ianya sekaligus menggambarkan bahawa responden menerima pendekatan dakwah PAS walaupun PAS berada pada landasan parti politik.

Jadual 4.18 : Memantapkan Prasarana Pendidikan Islam

Tahap Akademik (N=171)

	Tahap Akademik (N=171)			
	IPTA/IPTS (n=121)		SEKOLAH (n=50)	
	F	%	F	%
Setuju	113	93.4	48	96
Tidak Setuju	8	6.6	2	4
Jumlah	121	100	50	100

Sumber Soal Selidik 2012, Bahagian D, 4.

Pengkaji melakukan proses pengkodan semula terhadap tahap akademik responden dengan menggabungkan tahap "Phd", "Ijazah Sarjana", "Ijazah Sarjana Muda", "Diploma", dan "Sijil" kepada kod baru iaitu "IPTA/IPTS". Manakala bagi tahap "STPM/STAM", "SPM", dan "SPR/PMR" pula digabungkan kepada kod baru iaitu "SEKOLAH". Langkah ini dilakukan untuk membantu pengkaji mengecilkan skop dalam membuat kesimpulan mengenai sesuatu hasil analisis data kajian yang diperolehi. Jadual 4.18 di atas menunjukkan hubungan antara tahap akademik responden dengan soalan yang dikemukakan. Peratusan setuju yang tinggi dapat dilihat pada kedua-dua tahap akademik responden iaitu 93.4% (n=113) bagi IPTA/IPTS dan 96% (n=48) bagi Sekolah. Jadual di atas juga menunjukkan bahawa majoriti di kalangan responden adalah berpendidikan tinggi dan memiliki kelayakan akademik. Kesedaran terhadap kepentingan ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam di peringkat akar umbi khususnya telah mempengaruhi persepsi responden terhadap pelaksanaan dakwah PAS dengan memberi penekanan kepada aspek pendidikan Islam dalam masyarakat.

Jadual 4.19 : Memantapkan Prasarana Pendidikan Islam

Lama Menyertai Jemaah Tabligh (N=171)

	Lama Menyertai Jemaah Tabligh (N=171)							
	Kurang Dari Setahun (n=23)		1-3 Tahun (n=50)		4-6 Tahun (n=29)		7 Tahun Ke Atas (n=69)	
	F	%	F	%	F	%	F	%
Setuju	23	100	48	96	29	100	61	88.4
Tidak Setuju	-	-	2	4	-	-	8	11.6
Jumlah	23	100	50	100	29	100	69	100

Sumber Soal Selidik 2012, Bahagian D, 4.

Jadual 4.19 di atas menunjukkan hubungan antara lama responden menyertai Jemaah Tabligh dengan soalan yang dikemukakan. Empat bahagian telah disediakan mengikut tempoh-tempoh tertentu iaitu kurang dari setahun, 1 hingga 3 tahun, 4 hingga 6 tahun, dan 7 tahun ke atas. Berdasarkan hasil kajian mendapati bahawa peratusan yang bersetuju adalah berada pada tahap tinggi. Bagi kategori kurang dari setahun adalah sebanyak 100% (n=23), manakala kategori 1 hingga 3 tahun adalah 96% (n=48). Seterusnya bagi kategori 4 hingga 6 tahun adalah 100% (n=29) dan bagi kategori 7 tahun ke atas sebanyak 88.4% (n=61) yang bersetuju dengan kenyataan yang diberikan.

Peratusan yang tinggi sekali gus menunjukkan bahawa tempoh keterlibatan responden dengan Jemaah Tabligh tidak menunjukkan perbezaan yang ketara terhadap penerimaan dan persetujuan mereka kepada dakwah PAS dengan menubuhkan institusi pendidikan untuk memberi pendidikan Islam kepada masyarakat daripada peringkat akar umbi.

Jadual 4.20 : Penjelasan Tentang Islam Melalui Penulisan

ITEM 2 (N=171)		Setuju	Tidak Setuju
Menghasilkan penulisan-penulisan untuk memberi penjelasan tentang Islam seperti buku, artikel ilmiah serta melakukan terjemahan terhadap buku-buku luar negara	F	157	14
	%	91.8	8.2

Sumber Soal Selidik 2012, Bahagian D, 24.

Jadual 4.20 di atas menunjukkan sebanyak 91.8% (n=157) yang bersetuju dengan kenyataan yang diberikan. Manakala 8.2% (n=14) pula adalah tidak bersetuju. Peratusan tinggi dalam penerimaan responden telah membuktikan bahawa majoriti di kalangan mereka adalah bersetuju dengan pelaksanaan dakwah PAS iaitu dengan menghasilkan penulisan-penulisan untuk memberi penjelasan tentang Islam seperti buku, artikel ilmiah serta melakukan terjemahan terhadap buku-buku luar negara.

Kesinambungan daripada penekanan terhadap aspek pendidikan secara formal, PAS juga memberi penekanan terhadap pendidikan secara tidak formal dengan menghasilkan pelbagai penulisan-penulisan ilmiah yang bertujuan untuk memberi penjelasan tentang Islam kepada masyarakat. Lantaran itu, kajian mendapati bahawa majoriti responden menerima usaha PAS tersebut sebagai satu usaha dakwah yang sangat baik untuk memberi penjelasan kepada masyarakat tentang Islam. Pada masa yang sama, kajian telah melakukan analisis dengan menggabungkan soalan bersama tiga pembolehubah iaitu umur, tahap akademik dan lokasi tempat tinggal. Ianya adalah bertujuan untuk melihat adakah wujud hubungan di antara soalan dengan pembolehubah-pembolehubah tersebut.

Jadual 4.21 : Penjelasan Tentang Islam Melalui Penulisan

Umur (N=171)

	Umur (N=171)							
	21 hingga 30 (n=89)		31 hingga 40 (n=31)		41 hingga 50 (n=34)		51 ke atas (n=17)	
	F	%	F	%	F	%	F	%
Setuju	83	93.3	30	96.8	31	91.2	13	76.5
Tidak Setuju	6	6.7	1	3.2	3	8.8	4	23.5
Jumlah	89	100	31	100	34	100	17	100

Sumber Soal Selidik 2012, Bahagian D, 24.

Jadual 4.21 di atas menunjukkan hubungan di antara umur responden dengan soalan yang dikemukakan. Analisis data menunjukkan bahawa peratusan responden yang paling tinggi bersetuju dengan pelaksanaan dakwah PAS melalui penghasilan penulisan-penulisan untuk memberi penjelasan tentang Islam seperti buku, artikel ilmiah serta melakukan terjemahan terhadap buku-buku luar negara ialah pada kategori umur 31 hingga 40 tahun iaitu 96.8% (n=30). Manakala bagi kategori umur 21 hingga 30 tahun adalah sebanyak 93.3% (n=83), kategori 41 hingga 50 adalah sebanyak 91.2% (n=31), dan 76.5% (n=13) bagi kategori 51 tahun ke atas.

Hal ini membuktikan bahawa responden yang berumur lingkungan 31 hingga 40 tahun adalah memiliki tahap kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan sumber ilmu pengetahuan Islam begitu juga bagi kategori umur 21 tahun hingga 30 tahun. Secara keseluruhannya, usaha yang dilakukan oleh PAS dalam memartabatkan ilmu pengetahuan Islam kepada masyarakat telah diterima oleh majoriti responden daripada pelbagai peringkat umur dan data menunjukkan peratusan bersetuju adalah amat tinggi.

Jadual 4.22 : Penjelasan Tentang Islam Melalui Penulisan

Tahap Akademik (N=171)

	Tahap Akademik (N=171)			
	IPTA/IPTS (n=121)		SEKOLAH (n=50)	
	F	%	F	%
Setuju	110	90.9	47	94
Tidak Setuju	11	9.1	3	6
Jumlah	121	100	50	100

Sumber Soal Selidik 2012, Bahagian D, 24.

Dalam proses menganalisis data kajian sebagaimana yang ditunjukkan melalui Jadual 4.22 di atas, pengkaji melakukan proses pengkodan semula terhadap tahap akademik responden dengan menggabungkan tahap "Phd", "Ijazah Sarjana", "Ijazah Sarjana Muda", "Diploma", dan "Sijil" kepada kod baru iaitu "IPTA/IPTS". Manakala bagi tahap "STPM/STAM", "SPM", dan "SPR/PMR" pula digabungkan kepada kod baru iaitu "SEKOLAH". Langkah ini dilakukan untuk membantu pengkaji mengecilkan skop dalam membuat kesimpulan mengenai sesuatu hasil analisis data kajian yang diperolehi.

Jadual 4.22 di atas menunjukkan hubungan di antara tahap akademik responden dengan soalan yang dikemukakan. Jumlah keseluruhan responden yang bersetuju adalah seramai 157 orang. Apabila jumlah responden tersebut dihubungkan dengan tahap akademik sebagai pemboleh ubah, maka didapati bahawa sebanyak 94% (n=47) yang bersetuju bagi tahap akademik SEKOLAH, manakala sebanyak 90.9% (n=110) pula adalah bagi tahap akademik IPTA/IPTS .

Hasil kajian membuktikan majoriti responden mempunyai latar belakang pendidikan tinggi di samping memiliki sijil kelulusan akademik daripada pelbagai institusi pendidikan. Peratusan responden yang bersetuju jika dilihat pada tahap akademik responden adalah hampir sama iaitu pada tahap yang tinggi. Ianya

membuktikan bahawa responden bersetuju dengan usaha PAS dalam menghasilkan penulisan-penulisan untuk memberi penjelasan tentang Islam seperti buku, artikel ilmiah serta melakukan terjemahan terhadap buku-buku luar negara walaupun PAS bergerak melalui landasan politik kepartian. Ini kerana, kepentingan terhadap perkembangan sumber ilmu pengetahuan kepada masyarakat telah mempengaruhi persepsi responden.

Jadual 4.23 : Penjelasan Tentang Islam Melalui Penulisan

Lokasi Tempat Tinggal (N=171)

	Lokasi Tempat Tinggal (N=171)					
	Bandar (n=114)		Pekan/Pinggir Bandar (n=44)		Desa/Kampung (n=13)	
	F	%	F	%	F	%
Setuju	102	89.5	43	97.7	12	92.3
Tidak Setuju	12	10.5	1	2.3	1	7.7
Jumlah	114	100	44	100	13	100

Sumber Soal Selidik 2012, Bahagian D, 24.

Pengkaji telah menghubungkan di antara lokasi tempat tinggal responden dengan soalan yang dikemukakan dengan tujuan untuk melihat sejauhmanakah perkaitan yang berlaku dan kesimpulan yang dapat dibuat antara keduanya. Lokasi tempat tinggal responden dibahagikan kepada tiga iaitu Bandar, Pekan/Pinggir Bandar, dan Desa/Kampung. Data di dalam Jadual 4.23 di atas telah menunjukkan sebanyak 97.7% (n=43) yang bersetuju adalah tinggal di kawasan Pekan/Pinggir Bandar. Manakala kawasan Desa/Kampung sebanyak 92.3% (n=12) dan sebanyak 89.5% (n=102) pula bagi kawasan Bandar.

Kajian mendapati bahawa majoriti responden adalah tinggal di kawasan Bandar berbanding Pekan/Pinggir Bandar dan Desa/Kampung. Namun begitu peratusan tinggi yang setuju adalah pada kawasan Pekan/Pinggir Bandar. Ini menunjukkan bahawa

mereka memiliki kesedaran terhadap kepentingan perkembangan sumber ilmu pengetahuan Islam. Kesedaran yang ada pada responden secara tidak langsung mempengaruhi mereka untuk bersetuju dengan soalan yang dikemukakan.

Walaupun, peratusan yang tinggi juga dapat dilihat kepada responden yang berada di Desa/Kampung. Manakala peratusan responden yang bersetuju bagi kawasan Bandar sedikit menurun. Ianya mungkin disebabkan oleh kehidupan di bandar yang sarat dengan pelbagai kemudahan teknologi maklumat untuk mendapatkan sumber-sumber ilmu pengetahuan dengan lebih mudah dan pantas. Walaupun, peratusan responden yang bersetuju masih lagi berada pada tahap yang tinggi.

4.4.3 Item Tahap Rendah Persepsi Jemaah Tabligh

Untuk melakukan analisis terhadap item yang berada pada tahap paling rendah, iaitu item yang paling tidak dipersetujui oleh responden, pengkaji terlebih dahulu akan melakukan proses pengkodan semula sepertimana yang telah dibincangkan di atas. Langkah ini diambil adalah bertujuan untuk membantu pengkaji mengecilkan skop dalam membuat kesimpulan mengenai hasil analisis data.

Berdasarkan hasil analisis selepas pengkodan semula, pengkaji telah memilih beberapa item yang bertindak sebagai pembolehubah bersandar yang mempunyai frekuensi terendah untuk dianalisis secara *crosstab* (hubungan) dengan pembolehubah tidak bersandar atau pembolehubah bebas seperti umur, lama menyertai Jemaah Tabligh, tahap akademik, dan lokasi tempat tinggal. Pengaplikasian kaedah atau arahan *Crosstabs* membolehkan pengkaji menghasilkan suatu ukuran perhubungan antara dua pembolehubah dalam bentuk jadual frekuensi dua hala dan pelbagai hala.³⁴ Item yang

³⁴ Mohd Salleh Abu & Zaidatun Tasir, *Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer : SPSS 10.0 For Windows*, 176.

mempunyai frekuensi dan berada pada tahap terendah adalah sebagaimana perbincangan di bawah.

Jadual 4.24 : Pendekatan *Taḥalluf Siyāsī*

ITEM 1 (N=171)		Setuju	Tidak Setuju
Mengadakan kerjasama dengan orang bukan Islam (<i>taḥalluf siyāsī</i>) merupakan salah satu medium dakwah untuk PAS mendekati golongan non-Muslim	F	137	34
	%	80.1	19.9

Sumber Soal Selidik 2012, Bahagian D,3.

Jadual 4.24 menunjukkan sebanyak 80.1% (n=137) yang bersetuju bahawa PAS berdakwah kepada golongan non-Muslim dengan mengadakan kerjasama (*taḥalluf siyāsī*) dengan mereka. Kerjasama (*taḥalluf siyāsī*) merupakan salah satu medium dakwah PAS untuk mendekati golongan non-Muslim. Manakala 19.9% (n=34) pula adalah tidak setuju. Peratusan tidak setuju bagi item di atas adalah yang paling tinggi berbanding dengan item-item yang lain. Peratusan tersebut menunjukkan anggapan mereka bahawa dakwah perlu diberi keutamaan kepada orang Islam terlebih dahulu berbanding dengan dakwah kepada golongan non-Muslim.

Abdul Hamid Chin menjelaskan bahawa keutamaan sasaran dakwah Islam adalah kepada umat Islam itu sendiri. Kekuatan Islam adalah lahir daripada kekuatan umat Islam. Setelah agama Islam dan umatnya mempunyai kekuatan rohaniah dan lahiriah, maka syiar Islam akan tertegak dengan kemurnian akhlakannya. Melalui akhlak Islam yang unggul akan mampu memberi dakwah kepada golongan non-Muslim.³⁵ Namun begitu, secara keseluruhan hasil kajian menunjukkan jumlah responden yang tidak setuju masih lagi minoriti berbanding dengan majoriti jumlah responden adalah bersetuju dengan item yang dikemukakan.

³⁵ Ustaz Abdul Hamid Chin, Ahli Syura Malaysia, merangkap Mudir Madrasah Miftāḥul ‘Ulūm Masjid Jamek Bandar Baru Seri Petaling, dalam temu bual dengan penulis, 1 Januari 2014.

Jadual 4.25 : Pendekatan *Taḥalluf Siyāsī*

Umur (N=171)

	Umur (N=171)							
	21-30 tahun (n=89)		31-40 Tahun (n=31)		41-50 Tahun (n=34)		51 Tahun Ke Atas (n=17)	
	F	%	F	%	F	%	F	%
Setuju	73	82	25	80.6	26	76.5	13	76.5
Tidak Setuju	16	18	6	19.4	8	23.5	4	23.5
Jumlah	89	100	31	100	34	100	17	100

Sumber Soal Selidik 2012, Bahagian D,3.

Jadual 4.25 di atas menunjukkan hubungan antara umur dengan soalan yang dikemukakan. Peratusan responden yang tidak setuju paling tinggi adalah bagi tahap umur 51 tahun ke atas iaitu 23.5% (n=4) dan 23.5% (n=8) bagi tahap umur 41 hingga 50 tahun. Manakala peratusan responden yang tidak setuju bagi tahap umur 21 hingga 30 tahun dan 31 hingga 40 tahun pula adalah 18% (n=16) dan 19.4% (n=6).

Peratusan responden yang tidak setuju agak tinggi bagi tahap umur 41 hingga 50 tahun dan tahap umur 51 tahun ke atas. Ini kerana, cara berfikir bagi golongan belia dan golongan berumur adalah berbeza. Lantaran itu, kajian membuat kesimpulan bahawa tahap umur telah mempengaruhi persepsi responden yang tidak bersetuju dengan pelaksanaan dakwah PAS kepada golongan non-Muslim melalui hubungan dan kerjasama (*taḥalluf siyāsī*) yang diadakan.

Jadual 4.26 : Pendekatan *Taḥalluf Siyāsī*

Lama Menyertai Jemaah Tabligh (N=171)

	Lama Menyertai Jemaah Tabligh (N=171)							
	Kurang Dari Setahun (n=23)		1-3 Tahun (n=50)		4-6 Tahun (n=29)		7 Tahun Ke Atas (n=69)	
	F	%	F	%	F	%	F	%
Setuju	21	91.3	41	82	24	82.8	51	73.9
Tidak Setuju	2	8.7	9	18	5	17.2	18	26.1
Jumlah	23	100	50	100	29	100	69	100

Sumber Soal Selidik 2012, Bahagian D,3.

Jadual 4.26 di atas menunjukkan hubungan antara lama menyertai Jemaah Tabligh dengan soalan yang dikemukakan. Lama menyertai Jemaah Tabligh dibahagikan kepada empat kategori iaitu Kurang Dari Setahun, 1 hingga 3 Tahun, 4 hingga 6 Tahun, dan 7 Tahun Ke Atas. Hasil analisis data telah menunjukkan bahawa peratusan paling tinggi yang tidak bersetuju adalah kategori 7 tahun ke atas iaitu sebanyak 26.1% (n=18). Manakala bagi 1 hingga 3 tahun adalah sebanyak 18% (n=9) dan bagi 4 hingga 6 tahun pula adalah sebanyak 17.2% (n=5). Peratusan yang paling rendah tidak bersetuju adalah sebanyak 8.7% (n=2) iaitu bagi kategori kurang dari setahun.

Kajian mendapati bahawa tempoh lama menyertai Jemaah Tabligh telah mempengaruhi persepsi responden. Ini kerana, peratusan tinggi yang tidak setuju lebih merujuk kepada responden yang telah lama melibatkan diri dengan gerakan Jemaah Tabligh berbanding dengan responden yang baru. Disebabkan dakwah Jemaah Tabligh yang tidak meletakkan golongan non-Muslim sebagai sasaran utama dakwah, maka ianya telah mempengaruhi pemikiran ahli-ahli yang lebih menfokuskan dakwah mereka kepada orang Islam. Oleh itu, semakin lama seseorang responden menyertai Jemaah Tabligh, semakin mempengaruhi persepsi terhadap dakwah kepada golongan non-

Muslim termasuklah pelaksanaan dakwah kepada non-Muslim yang dilakukan oleh PAS.

Jadual 4.27 : Pendekatan *Taḥalluf Siyāsī*

Lokasi Tempat Tinggal (N=171)

	Lokasi Tempat Tinggal (N=171)					
	Bandar (n=114)		Pekan/Pinggir Bandar (n=44)		Desa/Kampung (n=13)	
	F	%	F	%	F	%
Setuju	92	80.7	36	81.8	9	69.2
Tidak Setuju	22	19.3	8	18.2	4	30.8
Jumlah	114	100	44	100	13	100

Sumber Soal Selidik 2012, Bahagian D,3.

Jadual 4.27 di atas menunjukkan hubungan di antara lokasi tempat tinggal responden dengan soalan yang dikemukakan. Lokasi tempat tinggal responden dibahagikan kepada tiga kategori iaitu Bandar, Pekan/Pinggir Bandar, dan Desa/Kampung. Peratusan paling tinggi responden yang tidak setuju adalah kategori Desa/Kampung iaitu sebanyak 30.8% (n=4). Manakala bagi kategori Bandar adalah sebanyak 19.3% (n=22) dan 18.2% (n=8) pula adalah bagi kategori Pekan/Pinggir Bandar.

Kajian mendapati bahawa lokasi tempat tinggal juga di antara faktor yang mempengaruhi persepsi responden. Suasana persekitaran dan keadaan masyarakat yang berbeza pada sesuatu tempat juga akan mempengaruhi pemikiran seseorang. Atas dasar itulah kajian mendapati bahawa peratusan responden yang tidak setuju adalah berbeza di antara kategori Desa/Kampung dan kategori Bandar dan Pinggir Bandar.

Jadual 4.28 : Penjelasan Tentang Islam Kepada non-Muslim

ITEM 2 (N=171)		Setuju	Tidak Setuju
Memberi penjelasan kepada golongan non-Muslim tentang Islam melalui penganjuran program-program seperti mengadakan dialog, bengkel, dan seminar ilmiah	F	143	28
	%	83.6	16.4

Sumber Soal Selidik 2012, Bahagian D,26.

Jadual 4.28 menunjukkan bahawa sebanyak 83.6% (n=143) yang bersetuju bahawa PAS memberi penjelasan kepada golongan non-Muslim tentang Islam melalui penganjuran program-program seperti mengadakan dialog, bengkel, dan seminar ilmiah. Item tersebut merupakan salah satu pelaksanaan dakwah PAS kepada golongan non-Muslim. Namun begitu sebanyak 16.4% (n=28) adalah tidak bersetuju.

Kajian mendapati frekuensi dan peratusan bagi responden yang tidak bersetuju dengan item di atas adalah berada pada tahap kedua tertinggi berbanding dengan item-item yang lain. Peratusan responden yang tidak setuju menggambarkan persepsi mereka yang lebih condong untuk memberi keutamaan dakwah kepada orang Islam terlebih dahulu berbanding dengan dakwah kepada non-Muslim.

Jadual 4.29 : Penjelasan Tentang Islam Kepada non-Muslim

Lama Menyertai Jemaah Tabligh (N=171)

	Lama Menyertai Jemaah Tabligh (N=171)							
	Kurang Dari Setahun (n=23)		1-3 Tahun (n=50)		4-6 Tahun (n=29)		7 Tahun Ke Atas (n=69)	
	F	%	F	%	F	%	F	%
Setuju	21	91.3	43	86	24	82.8	55	79.7
Tidak Setuju	2	8.7	7	14	5	17.2	14	20.3
Jumlah	23	100	50	100	29	100	69	100

Sumber Soal Selidik 2012, Bahagian D,26.

Kajian telah melakukan hubungan antara lama menyertai Jemaah Tabligh dengan soalan yang dikemukakan. Sepertimana yang ditunjukkan melalui Jadual 4.29 di atas, tempoh lama menyertai Jemaah Tabligh dibahagikan kepada empat kategori iaitu kurang dari setahun, 1 hingga 3 tahun, 4 hingga 6 tahun, dan 7 tahun ke atas. Kategori 7 tahun ke atas merupakan kategori yang mempunyai peratusan paling tinggi responden yang tidak setuju iaitu 20.3% (n=14). Manakala peratusan paling rendah responden yang tidak setuju pula adalah merujuk kepada kategori kurang dari setahun iaitu sebanyak 8.7% (n=2).

Berdasarkan analisis data, kajian mendapati bahawa lama menyertai Jemaah Tabligh telah menjadi faktor yang mempengaruhi persepsi responden terhadap soalan yang dikemukakan. Kajian juga mendapati bahawa semakin lama tempoh penglibatan responden dalam gerakan Jemaah Tabligh, semakin mengubah persepsi mereka terhadap pelaksanaan dakwah kepada non-Muslim. Ini kerana, keutamaan sasaran dakwah Jemaah Tabligh lebih memfokuskan kepada orang Islam berbanding dengan non-Muslim.

Jadual 4.30 : Penjelasan Tentang Islam Kepada non-Muslim

Tahap Akademik (N=171)

	Tahap Akademik (N=171)			
	IPTA/IPTS (n=121)		SEKOLAH (n=50)	
	F	%	F	%
Setuju	107	88.4	36	72
Tidak Setuju	14	11.6	14	28
Jumlah	121	100	50	100

Sumber Soal Selidik 2012, Bahagian D,26.

Pengkaji melakukan proses pengkodan semula terhadap tahap akademik responden dengan menggabungkan tahap "Phd", "Ijazah Sarjana", "Ijazah Sarjana Muda", "Diploma", dan "Sijil" kepada kod baru iaitu "IPTA/IPTS". Manakala bagi tahap "STPM/STAM", "SPM", dan "SPR/PMR" pula digabungkan kepada kod baru iaitu "SEKOLAH". Langkah ini dilakukan untuk membantu pengkaji mengecilkan skop dalam membuat kesimpulan mengenai sesuatu hasil analisis data kajian yang diperolehi.

Jadual 4.30 menunjukkan hubungan di antara tahap akademik responden dengan soalan yang dikemukakan. Bagi tahap akademik Sekolah adalah sebanyak 28% (n=14) yang tidak setuju manakala bagi tahap akademik IPTA/IPTS pula adalah sebanyak 11.6% (n=14) yang tidak setuju. Oleh itu, peratusan responden yang tidak setuju bagi tahap akademik Sekolah adalah lebih tinggi berbanding dengan tahap akademik IPTA/IPTS. Perbezaan peratusan yang wujud di antara kedua-dua tahap akademik tersebut menunjukkan bahawa tahap akademik adalah faktor yang mempengaruhi persepsi responden terhadap soalan yang dikemukakan.

Jadual 4.31 : Penjelasan Tentang Islam Kepada non-Muslim

Pekerjaan (N=171)

	Pekerjaan (N=171)									
	Mahasiswa (n=31)		Kakitangan Kerajaan (n=26)		Kakitangan Swasta (n=57)		Bekerja Sendiri (n=48)		Pesara/Tidak Bekerja (n=9)	
	F	%	F	%	F	%	F	%	F	%
Setuju	29	93.5	18	69.2	48	84.2	41	85.4	7	77.8
Tidak Setuju	2	6.5	8	30.8	9	15.8	7	14.6	2	22.2
Jumlah	31	100	26	100	57	100	48	100	9	100

Sumber Soal Selidik 2012, Bahagian D,26.

Jadual 4.31 menunjukkan hubungan di antara pekerjaan responden dengan soalan yang dikemukakan. Pekerjaan dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu Mahasiswa, Kakitangan Kerajaan, Kakitangan Swasta, Bekerja Sendiri, dan Pesara/Tidak Bekerja. Analisis data yang dilakukan telah menunjukkan bahawa peratusan paling tinggi responden yang tidak setuju adalah pada kategori Kakitangan Kerajaan iaitu sebanyak 30.8% (n=8) diikuti dengan kategori Pesara/Tidak Bekerja sebanyak 22.2% (n=2). Manakala bagi kategori lain pula adalah sebanyak 15.8% (n=9) bagi Kakitangan Swasta, 14.6% (n=7) bagi Bekerja Sendiri, dan 6.5% (n=2) bagi Mahasiswa.

Kajian mendapati bahawa pekerjaan telah mempengaruhi persepsi responden yang berbeza-beza terhadap pelaksanaan dakwah PAS kepada golongan non-Muslim dengan memberi penjelasan tentang Islam melalui penganjuran program-program seperti mengadakan dialog, bengkel, dan seminar ilmiah.

4.5 KESIMPULAN

Melalui perbincangan dan analisis data yang telah dilakukan pada bab ini, kajian telah mendapati bahawa majoriti responden adalah mempunyai pengetahuan asas mengenai politik Islam dan tidak menolak politik secara total. Kajian ini juga telah membuktikan bahawa majoriti responden juga cakna dengan hal ehwal politik Islam sekali gus menolak dakwaan pihak-pihak yang mengatakan bahawa Jemaah Tabligh berpandangan negatif terhadap politik.

Selain itu, kajian mendapati bahawa persepsi responden terhadap PAS adalah lebih cenderung kepada salah satu komponen parti pembangkang berbanding dengan sebuah pertubuhan dakwah. Ini kerana, kewujudan PAS sebagai sebuah parti politik dianggap kurang sesuai untuk melabelkannya sebagai sebuah pertubuhan dakwah.

Walaupun, ianya tidak mempengaruhi responden untuk menafikan keberkesanan dan sumbangan dakwah yang dilakukan oleh PAS. Secara keseluruhannya kajian mendapati bahawa kebanyakan responden bersetuju dan tidak menafikan pelaksanaan dakwah yang dilakukan oleh PAS. Ini kerana, dakwah yang dilihat mampu memberi kesan kepada perkembangan dakwah Islam adalah keutamaan tanpa mengira siapa yang melakukannya hatta PAS sekalipun.